

PROGRAM SUBSIDI PETROL

'Lebih baik dari sekarang'

Jimat belanja kerajaan, lebih digunakan untuk pembangunan

MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM

Pengumuman kerajaan berhubung Program Subsidi Petrol (PSP) yang bakal dilaksanakan pada Januari tahun depan menggunakan kaedah bayaran tunai terus ke akaun penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) disifatkan lebih baik berbanding sistem sedia ada yang dinikmati semua pihak tanpa mengira kerakyatan dan pendapatan.

Penganalisis Ekonomi daripada Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, ini kerana ia lebih bersasar kepada golongan memerlukan iaitu golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan dapat menjimatkan perbelan-



Pengapungan semula harga petrol RON95 bermula awal tahun hadapan. Gambar kecil, Dr Ahmed Razman.

jaan kerajaan.

"Subsidi bersasar diberikan kerajaan secara keseluruhannya lebih rendah berbanding sistem sekarang. Maknanya kerajaan boleh menggunakan lebihan ini bagi tujuan pembangunan dan sebagainya yang memanfaatkan rakyat," katanya.

Menurutnya, langkah pertama kerajaan itu sangat bermakna buat kumpulan B40 dan ia boleh ditambah baik selepas ini supaya lebih ramai golongan

terutama pertengahan (M40) yang benar-benar memerlukan berdasarkan lokasi.

"Kita faham ada golongan M40 yang berdepan dengan kos sara hidup tinggi di bandar dan mereka ini juga merupakan kumpulan yang paling banyak menggunakan kenderaan sendiri. Saya fikir kerajaan boleh menambah baik sistem dengan mengambil kira lokasi tempat tinggal," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Ditanya mengenai pengapungan harga petrol RON95 bermula awal tahun hadapan susulan pelaksanaan PSP, Dr Ahmed Razman berkata, mekanisme mengawal harga masih boleh dilakukan dengan cara lain.

"Mungkin jika harga petrol naik kepada suatu nilai yang dianggap terlalu tinggi, kerajaan boleh mengehadkan dengan memberikan subsidi kepada semua pengguna di negara ini. Sebagai contoh, konflik antara Amerika Syarikat (AS) dengan Iran boleh berlaku dan jika terjadi, harga minyak akan melambung tinggi."

"Kaedah ini boleh dibuat kerana jika harga minyak mentah dunia meningkat, negara juga akan mendapat keuntungan daripadanya. Bagi setiap AS\$1 dolar, peningkatan per barel Malaysia akan dapat RM300 juta dan kalau naik kepada AS\$10 dolar, negara dapat RM3 bilion peningkatan pendapatan."

"Apa salahnya peruntukan ini digunakan untuk menstabilkan harga minyak ketika kenaikan berlaku," katanya.